

KEBERKESANAN KOS DAN FAEDAH PENGOPERASIAN SEMPADAN - KAJIAN DI ICQS BUKIT KAYU HITAM

**Nik Azmi Nik Omar, Sahubar Ibrahim Ismail Gani, Wan Nailah
Abdullah, Roshima Said, Noor Zahirah Mohd Sidek, Mohd
Rizaimy Shaharudin**

ABSTRACT

The purpose of this research is to evaluate the effectiveness of the 24-hour operation at the BKH-Sadao CIQ in terms of benefits obtained and costs incurred by the government. The main objective is to identify whether the 24-hour operation provides positive impacts to the government of Malaysia in terms of cost and benefits. This research is comprehensive where costs and benefits of the 24-hour operations at BKH-Sadao CIQ are analysed in the perspective of the government. The Cost Benefit Analysis conducted not only limited to monetary, but also inclusive of non-monetary analysis, especially on the safety and security issues of the agencies and staffs attached to the 24-hour operation. This research is limited to BKH-Sadao CIQ in the Malaysian side of the border, which operates for 24 hours daily from the period of 18 Jun 2019 until 17 September 2019. The findings of the study indicate surplus of costs over benefits. The result of the study has been one of the factors considered in concluding the government's base in its decision to cease the 24-hour operation of the ICQ in the BKH-Sadao border.

Key words: 24-hour operation, BKH-Sadao ICQ, Cost Benefit Analysis, Monetary, Safety and Security.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pengoperasian 24 jam di ICQS BKH-Sadao dari segi manfaat yang diperolehi dan kos yang ditanggung kerajaan. Objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti sama ada pengoperasian 24 jam memberi kesan positif kepada kerajaan Malaysia dari segi kos dan faedah (manfaat). Kajian ini bersifat komprehensif di mana kos dan faedah pengoperasian 24 jam di ICQS BKH-Sadao dianalisa dari perspektif kerajaan. Analisis kos faedah yang dijalankan bukan hanya terhad

dari segi kewangan, malah juga melibatkan analisis bukan kewangan, terutama isu keselamatan agensi dan staf yang terlibat dengan pengoperasian 24 jam. Kajian ini terhad kepada ICQS BKH-Sadao di bahagian sempadan Malaysia yang beroperasi selama 24 jam sehari mulai dari 18 Jun 2019 sehingga 17 September 2019. Dapatan kajian mendapati analisis kewangan menunjukkan kos adalah melebihi faedah. Hasil dapatan kajian ini telah menjadi salah satu faktor yang diguna pakai dalam merumuskan dasar kerajaan terhadap keputusan menghentikan pengoperasian 24 jam ICQS BKH-Sadao.

Kata kunci: Pengoperasian 24 Jam, ICQS-BKH-Sadao, Analisis Kos dan Faedah, Kewangan, Keselamatan dan Ketenteraman.

1. PENGENALAN

Malaysia dan Thailand telah mengorak langkah untuk menggalakkan aliran dagangan di antara kedua-dua buah negara dengan melanjutkan tempoh operasi ke 24 jam di pintu sempadan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam (BKH) – CIQ Sadao mulai 18 Jun 2019 sehingga 17 September 2019. Tempoh percubaan selama tiga (3) bulan ini bertujuan untuk menganalisa keperluan serta keberkesanan pengoperasian 24 jam. Waktu operasi ini hanya membabitkan kenderaan berat dan pergerakan kargo manakala laluan awam kekal seperti biasa iaitu dari jam 6 pagi sehingga 12 tengah malam. Waktu operasi berkenaan akan melalui tempoh percubaan selama tiga bulan mulai dari 18 Jun 2019 hingga 17 September 2019.

Tujuan utama lanjutan enam (6) jam waktu pengoperasian ini adalah untuk meningkatkan aktiviti perdagangan di antara Malaysia dan Thailand di samping mengurangkan kesesakan laluan kenderaan berat. Ianya juga bertujuan untuk memajukan lagi industri logistik di Kedah dan Perlis khususnya dan merancakkan hubungan dagang dua hala di antara Malaysia dan Thailand. Perkembangan perdagangan di antara dua negara ini akan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan perkembangan industri di kedua-dua buah negara. Pada tahun 2018, jumlah perdagangan di antara Malaysia-Thailand telah meningkat sebanyak 17 peratus kepada USD21.9

bilion berbanding tahun 2017. Jumlah eksport dari Malaysia ke Thailand pada Januari hingga Mei 2019 adalah RM25.41 bilion bersamaan dengan 6.3% daripada keseluruhan eksport Malaysia manakala import dari Thailand adalah RM19.32 bilion bersamaan dengan 5.5% jumlah import Malaysia. Pengoperasian 24 jam di ICQS BKH selama tiga (3) bulan secara percubaan ini merupakan satu langkah kerajaan sebagai pemangkin peningkatan dagangan dua hala ini.

Walaupun dijangka terdapat banyak faedah daripada pembukaan ICQS BKH ini dari 18 jam ke 24 jam, kajian terperinci harus dilaksanakan untuk menganalisa sama ada terdapat pulangan (*return on investment*) kepada kerajaan Malaysia khususnya dan faedah-faedah (*spill over effect*) kepada perindustrian dan masyarakat di Malaysia secara amnya. Perlanjutan waktu operasi ini melibatkan pertambahan kos kepada kerajaan sebanyak RM200,000.00 sebulan.

Pada 25 Jun 2019, Utusan Online telah melaporkan kesesakan yang berlaku di Sadao iaitu sempadan sebelah Thailand berikutan caj lebih masa yang dikenakan oleh pihak berkuasa di Thailand terhadap kenderaan kargo yang melalui pintu sempadan Sadao. Kesesakan berlaku di Sadao apabila pemandu kenderaan kargo menunggu di pintu masuk Sadao, Thailand sebagai tanda protes ke atas caj yang dikenakan sebanyak 300 Baht. Walau bagaimanapun, Pengarah Imigresen Negeri Kedah, Zuhair Jamaludin melaporkan bahawa tidak terdapat sebarang kesesakan di ICQS BKH.

Berdasarkan isu-isu ini, kajian mengenai impak kewangan kepada kerajaan terutama dari perspektif kos faedah dan impak kepada staf, masyarakat, industri dan isu-isu keselamatan negara perlu dijalankan.

2. KAJIAN LITERATUR

Analisis Kos Faedah

Analisis Kos Faedah telah diperkenalkan di pertengahan abad ke-19 dan menjadi kaedah utama dalam menilai alternatif pelaburan (Pearce, 1998). Bermula dari penilaian perniagaan, ketenteraan di negara Eropah dan negara

maju yang lain, Analisis Kos Faedah terus berkembang menjadi kaedah penilaian pilihan yang utama di sektor awam, kerap digunakan untuk menilai projek awam (kerajaan) sama ada kos yang ditanggung oleh kumpulan pembayar cukai dapat memberikan pulangan faedah kepada masyarakat umum. Pengiraan kos berkaitan suatu projek adalah lebih khusus dibandingkan dengan pulangan atau faedah. Kos yang melibatkan kos modal, kos penyelenggaran dan operasi adalah lebih mudah untuk didapati (Iacono & Levinson, 2013). Pengiraan pulangan atau faedah boleh dibahagikan kepada dua kategori; (1) faedah langsung kepada para pengguna dan (2) faedah sekunder atau impak luar kepada bukan pengguna. Selain itu, faktor peningkatan keselamatan adalah faktor yang perlu digabungkan ke dalam Analisis Kos Faedah. Peningkatan faedah keselamatan dapat dikira dengan penjimatan kos seperti pengelakkan kemalangan, kecemasan, pembaikan, dan kos akibat tergendala. Penilaian faedah juga boleh dilakukan berdasarkan peningkatan keselamatan dan kesanggupan pengguna melabur dalam usaha pengelakan kemalangan (Jakob, Craig, & Fisher, 2006).

Kajian Analisis Bukan Kewangan

Kewujudan golongan usahawan telah menggalakkan aktiviti perdagangan seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan, mencipta kekayaan serta menyumbang kepada hasil cukai dan merangsang pembinaan infrastruktur lain (Christy, Wenner, & Dassie, 2000). Aktiviti keusahawanan ini telah menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi komuniti. Aktiviti perdagangan merentas sempadan pula memberi manfaat kepada para peniaga di kedua belah negara yang bersempadan. Selain itu, kedua belah negara juga dapat meningkatkan peluang pasaran baru, sumber bekalan, modal, buruh dan teknologi yang ada. Komuniti setempat sepanjang sempadan juga mendapat manfaat daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan. Dalam pada itu, isu keselamatan perlu dititikberatkan apabila wujudnya globalisasi yang menyebabkan negara-negara terpaksa bekerjasama demi menjaga kepentingan bersama. Ia menjadi keperluan kepada negara-negara bersempadan untuk mengekalkan hubungan baik di samping mempunyai kestabilan politik dalaman demi keselamatan Malaysia.

Keselamatan di Sempadan Malaysia – Thailand

Sempadan darat Malaysia-Thailand meliputi kawasan yang bersempadan dengan negeri-negeri di utara Malaysia iaitu Kelantan, Perlis, Kedah dan Perak. Di kawasan sempadan ini terdapat pelbagai aktiviti dan interaksi ekonomi dan sosial yang dijalankan. Tambahan pula isu keselamatan yang membimbangkan kerajaan Malaysia adalah penyeludupan barang terlarang dan manusia, kegiatan penyeludupan dadah, jenayah siber (*cyber crime*), juga keganasan dan rompakan di laut kerana ia melibatkan keselamatan penduduk dan kestabilan politik negara yang menerima (Harun, 2009). Kajian Ibrahim dan Ahmad (2010) mendapati kes-kes jenayah yang seringkali berlaku di kawasan sempadan seperti kecurian, penipuan, penculikan, pembunuhan, samun dan sebagainya menyumbang kepada imej negatif terhadap pelancongan kawasan sempadan. Selain itu, aktiviti penyeludupan merupakan isu utama yang seringkali dipandang serius oleh pihak kerajaan terutamanya di kawasan sempadan. Jika tiada langkah-langkah berkesan diambil ianya akan mewujudkan keadaan yang tidak stabil terutamanya bagi penduduk yang tinggal berhampiran kawasan sempadan dan para pelancong. Tanggapan orang ramai mengenai aktiviti yang tidak sihat seperti seks bebas, alkohol, pergaulan tanpa batasan turut menyumbang kepada imej negatif bagi pelancongan di kawasan sempadan. Oleh yang demikian, aspek keselamatan perlu dikaji di samping keberkesanan sosioekonomi perlu diambil kira untuk membentuk polisi kerajaan dalam memutuskan kewajaran pengoperasian 24 jam di ICQS BKH.

3. METODOLOGI KAJIAN

Analisis kos faedah kajian keberkesanan operasi 24 jam di ICQS BKH dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengumpul maklumat dan data-data yang berkaitan. Data-data sekunder berkaitan kos-kos dan faedah-faedah pengoperasian 24 jam tersebut telah diperolehi daripada pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), UAS, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) BKH dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) BKH. Pihak PERHILITAN telah memberi data berkaitan bayaran gaji, elaun dan gaji lebih masa. Pihak UAS juga telah memberi data berkaitan bayaran gaji, elaun, gaji lebih masa dan

elaun perjalanan. Manakala, JIM BKH pula telah memberi data berkaitan kos utiliti iaitu bayaran bil elektrik, bil air, bil pembentungan dan gaji lebih masa. Analisis kos telah dijalankan terhadap kos-kos tersebut. Selain itu, JKDM BKH juga telah memberi data berkaitan hasil dan kos berkaitan gaji lebih masa. Hasil tersebut adalah duti export, duti import dan cukai jualan dan perkhidmatan. Analisis kos faedah telah dijalankan berdasarkan kepada data-data yang telah diperolehi di atas.

4. DAPATAN KAJIAN

Analisis kos (kewangan) utiliti kompleks ICQS BKH

Berdasarkan maklumat yang diterima, analisis hanya dapat dijalankan terhadap dua jenis kos iaitu kos utiliti (elektrik, air dan pembentungan) dan gaji (tuntutan lebih masa, tuntutan perjalanan). Rajah 1 menunjukkan jumlah perbelanjaan utiliti di ICQS BKH pada bulan Mac hingga September 2019. Berdasarkan Rajah 1 di bawah, bil elektrik meningkat dari bulan Mac hingga bulan Ogos 2019. Manakala, bil air pula mengalami peningkatan dari bulan Mac ke April dan Mei ke Jun. Bil air juga turut mengalami penurunan dari bulan April ke Mei, Jun ke Julai dan Julai ke Ogos. Bil pembentungan pula tidak mengalami perubahan pada bulan Mac hingga Mei. Bil pembentungan Indah Water Konsortium (IWK) dari bulan Mei ke Jun menurun tetapi mengalami peningkatan dari bulan Jun ke Julai.

Rajah 1 Jumlah Perbelanjaan Utiliti Pada Bulan Mac-September 2019



Jadual 1a

Perbandingan Kos Tiga Bulan Sebelum Dan Selepas Pengoperasian 24 Jam

Jenis Kos	Mac-Mei	Julai- Sep	Beza (Variant)	Komen
TNB	409,903.40	481,216.95	71,313.55	Naik (17.40%)
AIR	8,143.00	14,322.40	6,179.40	Naik (75.89%)
IWK	22,250.88	12,472.80	-9,778.08	Turun (43.94%)
JUMLAH	440,297.28	508,012.15	67,714.87	Naik (15.38%)

Berdasarkan Jadual 1a, jelas terdapat peningkatan dalam kos utiliti khususnya elektrik iaitu berjumlah RM71,313.55 (17.40%) selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam. Bagi tempoh tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam di ICQS BKH, bil elektrik adalah lebih rendah iaitu RM409,903.40 berbanding RM481,216.95 selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam.

Kos air turut meningkat kepada RM6,179.40 (75.89%) selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam di ICQS BKH. Bagi tempoh tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam, bil air adalah lebih rendah iaitu RM8,143.00 berbanding RM14,322.40 selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam di ICQS BKH. Manakala kos IWK pula menurun kepada RM12,472.80 selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam di ICQS BKH. Bagi tempoh tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam di ICQS BKH bil IWK adalah lebih tinggi iaitu RM22,250.88.

Pihak Imigresen ICQS BKH turut memberi data berkenaan gaji lebih masa pegawai yang bertugas. Berdasarkan data yang telah diberi jumlah bayaran gaji lebih masa tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam bulan Mac hingga Mei 2019 berjumlah RM94,200.82 dan 3 bulan selepas pengoperasian 24 jam bulan Julai hingga September 2019 berjumlah RM152,105.87. Bayaran gaji lebih masa meningkat sebanyak RM57,905.05 (61.47%).

Jadual 1b

Unjuran Kos Utiliti dan Penyelenggaraan Bagi Tempoh Jun 2019 – Jun 2020

BULAN	TNB	AIR	IWK	PENYELENGGARAAN
Jun 2019	150,686.00	5,049.80	4,157.60	1,125,000.00
Jul 2019	155,072.00	4,014.60	4,157.60	1,125,000.00
Ogos 2019	171,903.00	3,435.20	4,157.60	1,125,000.00
Sept 2019	168,944.00	5,551.21	4,157.60	1,125,000.00
Okt 2019	175,648.00	6,091.37	4,157.60	1,125,000.00
Nov 2019	182,353.00	6,631.53	4,157.60	1,125,000.00
Dis 2019	189,058.00	7,171.69	4,157.60	1,125,000.00
Jan 2020	195,762.00	7,711.84	4,157.60	1,125,000.00
Feb 2020	202,467.00	8,252.00	4,157.60	1,125,000.00
Mac 2020	209,172.00	8,792.16	4,157.60	1,125,000.00
Apr 2020	215,877.00	9,332.31	4,157.60	1,125,000.00
Mei 2020	222,581.00	9,872.47	4,157.60	1,125,000.00
Jun 2020	229,286.00	10,412.60	4,157.60	1,125,000.00
Jumlah	2,468,809.00	92,318.78	54,048.80	14,625,000.00

Unjuran: Oktober 2019 – Jun 2020

Jumlah keseluruhan untuk satu tahun (Jun 2019 – Jun 2020) – RM17,240,176.58

Nota:

1. Unjuran hanya dibuat untuk utiliti sahaja kerana data gaji, tuntutan dan lain-lain tidak lengkap.
2. Unjuran menggunakan kaedah ‘*linear dynamic forecasting*’.
3. Kos IWK dan penyelenggaraan adalah tetap.
4. Unjuran ini belum mengambil kira pertambahan kos penyelenggaraan ICQS BKH kerana proses tender untuk

lanjutan selama enam (6) jam iaitu dari 12 tengah malam hingga 6 pagi belum selesai.

Jadual 1b menunjukkan kos sebenar dan unjuran kos perbelanjaan utiliti bagi pengoperasian 24 jam di ICQS BKH. Berdasarkan jadual 1b, unjuran kos dibuat bermula bulan Jun 2019 hingga Jun 2020. Kos pembentungan (IWK) dan penyelenggaran adalah tetap setiap bulan iaitu sebanyak RM4,157.60 dan RM1,125,000.00. Kos elektrik dan air meningkat dari bulan ke bulan berdasarkan unjuran yang telah dilaksanakan.

JKDM

Data yang telah diberi berkaitan dengan kos gaji lebih masa. Berdasarkan data tersebut, jumlah bayaran gaji lebih masa selepas pengoperasian 24 jam berjumlah RM446,889.94. Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 70.20% (RM184,324.60) berbanding tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam iaitu RM262,565.34.

PERHILITAN

Data yang telah diberi berkaitan dengan kos bayaran gaji, gaji lebih masa dan elaun. Berdasarkan data tersebut, jumlah bayaran gaji dan elaun tidak berubah. Manakala, bayaran gaji lebih masa pada bulan Jun menurun kepada RM304.67 dan tiada bayaran dibuat pada bulan Ogos 2019.

UAS

Kos yang telah diberi berkaitan bayaran gaji, gaji lebih masa, elaun dan tuntutan perjalanan. Berdasarkan data tersebut, jumlah bayaran elaun tidak berubah. Manakala, bayaran gaji sedikit meningkat disebabkan kenaikan tahunan. Bayaran gaji lebih masa tiada bermula bulan Jun selepas pengoperasian 24 jam.

Nota: Analisis yang lebih tepat hanya dapat dijalankan sekiranya semua maklumat kos operasi seperti gaji, gaji lebih masa, dan bekalan dapat diperolehi bagi setiap agensi selain PERHILITAN, UAS, JIM dan JKDM.


5. ANALISIS FAEDAH

Data hasil yang telah diperolehi adalah cukai jualan import, cukai jualan tempatan, duti import, duti eksais import, duti eksport, hasil bukan cukai dan hasil negeri atau amanah untuk bulan Mac hingga September 2019. Data-data tersebut boleh dirujuk di Jadual 1 hingga Jadual 13 . Rajah 2 dibawah menunjukkan jumlah hasil yang telah diperolehi untuk cukai jualan import dan duti import. Berdasarkan Rajah 2, cukai jualan import mengalami penurunan bermula pada bulan Mac hingga Julai 2019. Duti import pula mengalami peningkatan bermula pada bulan Mac hingga Mei dan Jun hingga September 2019.

Berdasarkan Jadual 2 berikut, adalah jelas terdapat penurunan purata faedah selepas pengoperasian 24 jam iaitu purata bulan Julai hingga September 2019 (RM16,635,928.55) berbanding purata bulan Mac hingga Mei 2019 (RM16,986,668.89) sebanyak RM350,740.34. Purata cukai jualan import mengalami penurunan selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam sebanyak RM697,906.15. Manakala, purata duti import pula mengalami peningkatan sebanyak RM323,323.87 selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam berbanding tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam di ICQS BKH. Namun begitu, jika dibandingkan purata tiga bulan sebelum dan selepas pengoperasian 24 jam peningkatan duti import dengan penurunan cukai jualan import tidak dapat menampung penurunan faedah sebanyak RM374,582. Perbandingan purata hasil pada tahun 2019 tidak dapat dibandingkan dengan tahun 2018 kerana pada bulan Jun hingga Ogos 2018 cuti cukai. Perbandingan purata hasil pada tahun 2019 dibuat dengan purata hasil tahun 2017 untuk tempoh purata yang sama. Purata tempoh hasil dari bulan Julai hingga September 2017 turut mengalami penurunan hasil sebanyak RM5,342,304.26. Jumlah hasil pada tahun 2019 tidak dapat dibandingkan dengan hasil tahun 2018 dan 2017 kerana sistem cukai yang berbeza iaitu pada 1 September 2018 telah diperkenalkan semua Sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax - SST*) dan dimansuhkan cukai barang dan perkhidmatan (*Goods and Services Tax - GST*).

Rajah 2

Jumlah Hasil Cukai Jualan Import Dan Duti Import



Jadual 2

Purata Hasil Sebelum/Selepas untuk Perbandingan

Faedah	Mac-Mei	Mac-Mei	Julai-Sept	Julai-Sept	Perbandingan
Cukai Jualan Import	40,283,865.74	13,427,955.25	38,190,147.28	12,730,049.09	- 697,906.15
Duti Import	10,567,786.84	3,522,595.61	11,537,758.44	3,845,919.48	323,323.87
Hasil Bukan Cukai	48,674.20	16,224.73	73,121.05	24,373.68	8,148.95
Hasil	59,679.9	19,893.3	86,654.8	28,884.9	8,991.65

Negeri/Amanah	0	0	6	5		
Jumlah Hasil	50,960,0	16,986,6	49,907,7	16,635,9	-	
(RM)	06.68	68.89	85.65	28.55	350,740.34	

6. Analisis Kos Faedah

Analisis awal menunjukkan jumlah faedah bersih selepas mengambil kira kos-kos yang terlibat mengalami penurunan sebanyak kepada RM48,644,406.92 selepas tiga bulan pengoperasian 24 jam di ICQS BKH berbanding tiga bulan sebelum pengoperasian 24 jam iaitu RM50,004,661.07. Tetapi, jumlah faedah bersih secara keseluruhan dari bulan Januari hingga September 2019 mencatatkan sebanyak RM115,716,833.97. Analisis kos faedah ini hanya mengambil kira faedah dan kos yang telah diberi maklumat dan data oleh pihak PERHILITAN, Unit Anti Dadah Sempadan, JIM dan JKDM yang berada BKH sahaja. Hasil analisis kos faedah ini tidak dapat memberi gambaran secara keseluruhan faedah dan kos yang diperolehi oleh semua agensi yang terlibat pengoperasian 24 jam di ICQS BKH. Pengoperasian 24 jam merupakan satu inisiatif pihak kerajaan untuk meningkatkan usaha dagangan antara Malaysia dan Thailand. Pengoperasian 24 jam juga memberi faedah secara kuantitatif dan juga kualitatif. Pengoperasian 24 jam ini tidak hanya diukur dari segi faedah ekonomi sahaja tetapi dari segi keselamatan dan kemudahan kepada rakyat juga perlu dipertimbangkan dalam membuat keputusan sama ada projek ini perlu diteruskan atau tidak.

Jadual 3

ANALISIS KOS FAEDAH

INSTITUSI	IPSON	TARIKH MULA	1 Mac 2019	
PROJEK	KAJIAN PENGOPERASIAN 24 JAM DI ICQS BKH	TARIKH TAMAT	30 September 2019	
ANALISIS KUANTITATIF KOS	MAC	APRIL	MEI	JUN
	RM	RM	RM	RM

samb. Jadual 3

KOS TIDAK BERULANG (ONE OFF)				
Tiada maklumat				
JUMLAH KOS TIDAK BERULANG (ONE <i>OFF</i>)	0.00	0.00	0.00	0.00
KOS BERULANG				
Utiliti (Komplek ICQS)				
Imigresen				
TNB	107,244.80	149,479.70	153,178.90	150,685.80
AIR	2,632.60	2,970.20	2,540.20	5,049.80
IWK	7,416.96	7,416.96	7,416.96	3,315.44
Gaji lebih masa	17,109.54	22,057.80	55,033.48	38, 553.19
Tuntutan perjalanan	3,014.50	7,045.80	1,423.55	3,090.30
JKDM				
Gaji lebih masa	80,692.69	87,818.29	94,054.36	88,864.39
PERHILITAN				
Gaji	5,941.15	5,941.15	5,941.15	5,941.15
Kerja Lebih Masa	0.00	142.12	1,251.36	304.67
Elaun	2,445.00	2,445.00	2,445.00	2,445.00
UAS				
Gaji	26,541.43	26,541.43	26,941.43	27,721.43
Kerja Lebih Masa	270.05	515.25	465.00	
Elaun	12,500.00	12,500.00	12,500.00	12,500.00
Tuntutan perjalanan	875.80	436.00	160.00	280.10
JUMLAH KOS BERULANG	266,684.52	325,309.70	363,351.39	300,198.08
JUMLAH KOS BESAR	266,684.52	325,309.70	363,351.39	300,198.08

samb. Jadual 3

ANALISIS KUANTITATIF KOS	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM
KOS TIDAK BERULANG (ONE OFF)				
Tiada maklumat				
JUMLAH KOS TIDAK BERULANG (ONE OFF)	0.00	0.00	0.00	0.00
KOS BERULANG				
Utiliti (Komplek ICQS)				
Imigresen				
TNB	155,071.80	171,902.70	154,242.45	481,216.95
AIR	4,014.60	3,435.20	6,872.60	14,322.40
IWK	4,157.60	4,157.60	4,157.60	12,472.80
Gaji lebih masa	44318.52	47161.62	60625.73	152,105.87
Tuntutan perjalanan	1840.85	1857.55	1934.30	5,632.70
JKDM				
Gaji lebih masa	122,175.15	163,404.20	161,310.59	446,889.94
PERHILITAN				
Gaji	5,941.15	5,941.15	5,941.15	17,823.45
Kerja Lebih Masa	0	708.55	336.87	1,045.42
Elaun	2,445.00	2,445.00	2,445.00	7,335.00
UAS				
Gaji	28,366.43	28,366.43	28,366.43	85,099.29
Kerja Lebih Masa				0.00
Elaun	12,500.00	12,500.00	12,500.00	37,500.00
Tuntutan perjalanan	746.2	595.21	593.5	1,934.91
JUMLAH KOS BERULANG	381,577.30	442,475.21	439,326.22	1,263,378.73
JUMLAH KOS BESAR	381,577.30	442,475.21	439,326.22	1,263,378.73

samb. Jadual 3

FAEDAH KUANTITATIF HASIL	MAC RM	APRIL RM	MEI RM	JUN RM
Cukai Jualan Import	13,677,362.59	12,607,645.6	13,998,857.5	13,959,378.7
		0	5	5
Cukai Jualan Tempatan	-	-	-	314.79
Duti Import	3,056,246.25	3,541,341.49	3,970,199.10	3,356,500.73
Duti Eksais Import	-	-	-	-
Duti Eksport	-	-	-	266.65
Hasil Bukan Cukai	8,470.00	16,900.00	23,304.20	18,510.00
Hasil Negeri/Amanah	24,146.85	21,274.15	14,258.90	32,993.14
JUMLAH HASIL	16,766,225.69	16,187,161.2	18,006,619.7	17,367,964.0
		4	5	6
PENJIMATAN KOS Tiada maklumat	MAC 0.00	APRIL 0.00	MEI 0.00	JUN 0.00
JUMLAH PENJIMATAN KOS				
KOS DIELAK Tiada maklumat	MAC 0.00	APRIL 0.00	MEI 0.00	JUN 0.00
JUMLAH KOS DIELAK				
LAIN-LAIN FAEDAH Tiada maklumat	MAC 0.00	APRIL 0.00	MEI 0.00	JUN 0.00
JUMLAH LAIN-LAIN FAEDAH				
JUMLAH FAEDAH BESAR	16,766,225.69	16,187,161.2	18,006,619.7	17,367,964.0
		4	5	6

samb. Jadual 3

FAEDAH KUANTITATIF HASIL	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	JUMLAH (RM)
	RM	RM	RM	RM
Cukai Jualan Import				92,433,391.77
	12,528,373.93	12,867,358.31	12,794,415.04	
Cukai Jualan Tempatan	-	-	-	314.79
Duti Import				25,462,046.01
	3,605,693.57	3,881,417.14	4,050,647.73	
Duti Eksais Import	17,234.40		2,692.32	19,926.72
Duti Eksport	-	177.30	-	443.95
Hasil Bukan Cukai				140,305.25
	9,850.00	49,271.05	14,000.00	
Hasil Negeri/Amanah	24,060.46	27,470.75	35,123.65	179,327.90
JUMLAH HASIL	16,185,212.36	16,825,694.55	16,896,878.74	118,235,756.39
PENJIMATAN KOS	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	JUMLAH (RM)
Tiada maklumat				
JUMLAH	0.00	0.00	0.00	0.00
PENJIMATAN KOS				
KOS DIELAK	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	JUMLAH (RM)
Tiada maklumat				
JUMLAH KOS	0.00	0.00	0.00	0.00
DIELAK				
LAIN-LAIN FAEDAH	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	JUMLAH (RM)
Tiada maklumat				

samb. Jadual 3

JUMLAH	0.00	0.00	0.00	0.00
LAIN-LAIN				
FAEDAH				

JUMLAH	16,185,212.36	16,825,694.55	16,896,878.74	118,235,756.39
FAEDAH				
BESAR				

Jadual 4

Rumusan Analisis Kos Faedah

Analisis kuantitatif	Mac	April	Mei	Jun
Faedah				
Penjimatan kos	0.00	0.00	0.00	0.00
Kos dielak	0.00	0.00	0.00	0.00
Hasil	16,766,225.6	16,187,161.2	18,006,619.7	17,367,964.06
	9	4	5	
Lain-lain	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah faedah	16,766,225.6	16,187,161.2	18,006,619.7	17,367,964.06
	9	4	5	
Kos				
Tidak berulang	0.00	0.00	0.00	0.00
Berulang	266,684.52	325,309.70	363,351.39	300,198.08
Jumlah kos	266,684.52	325,309.70	363,351.39	300,198.08
Kos/faedah bersih	16,499,541.1	15,861,851.5	17,643,268.3	17,067,765.98
	7	4	6	

samb. Jadual 4

Analisis kuantitatif	Julai	Ogos	September	Jumlah
Faedah				
Penjimatan kos	0.00	0.00		0.00
Kos dielak	0.00	0.00		0.00
Hasil	16,185,212.	16,825,694.5	16,896,878.	118,235,756.
	36	5	74	39
Lain-lain	0.00	0.00		0.00
Jumlah faedah	16,185,212.	16,825,694.5	16,896,878.	118,235,756.
	36	5	74	39
Kos				
Tidak berulang	0.00	0.00		0.00
Berulang	381,577.30	442,475.21	439,326.22	2,518,922.42
Jumlah kos	381,577.30	442,475.21	439,326.22	2,518,922.42
Kos/faedah bersih	15,803,635.	16,383,219.3	16,457,552.	115,716,833.
	06	4	52	97

7. ANALISIS KOS FAEDAH (BUKAN KEWANGAN)

Isu Jenayah dan Keselamatan

Statistik Jenayah

Jadual 5 menunjukkan perangkaan jenayah yang direkodkan di sekitar kawasan Balai Polis BKH sepanjang tempoh 2017 sehingga 2019. Tahun 2017 merekodkan jumlah terbesar jenayah, dengan 45 kes jenayah indeks (jenayah kekerasan dan harta benda) dan 77 kes jenayah *non-index*, diikuti oleh tahun 2018 dengan 23 kes jenayah indeks dan 24 kes jenayah *non-index*. Pada tahun 2019, terdapat penurunan pada kes jenayah indeks (11 kes) namun terdapat kenaikan pada kes jenayah *non-index* (30kes).

Jadual 5

Perangkaan Jenayah Kaawasan Balai BKH

JENAYAH KEKERASAN	2017	2018	2019
Bunuh	1	0	0
Rogol	1	1	0
Samun kawan s'api	0	0	0
Samun kawan t/s'api	4	0	1
Samun s'api	0	0	0
Samun t/s'api	0	1	1
Mencederakan 324 kk	2	1	2
Jumlah	8	3	4
JENAYAH HARTA			
Lain-lain kecurian	1	7	5
C/m/van/lori/j'berat	0	1	0
Curi m/car	3	7	1
Curi m/sikal	9	1	0
Curi ragut	0	0	0

Prc siang hari	8	4	1
Jumlah	37	20	7
Jumlah besar	45	23	11
JENAYAH BUKAN INDEKS IPD KUBANG PASU			
Cabul Kehormatan	0	0	0
Pemerasan	0	0	0
Ugutan Jenayah	2	2	3
Merusuh	0	0	0
Mendatangkan Cedera	2	5	1
Judi	10	8	4
Enakmen Hiburan	0	0	0
Kabel	0	0	0
Pencerobohan Rumah	0	0	0
Khianat	1	0	1
Cuba Lakukan Jenayah	0	0	0
Imigresen	46	8	18
ATIPSOM	3	0	0
Akta senjata	1	1	3
Lain-Lain Kes Jenayah Bukan Indeks	12	0	0
Jumlah	77	24	30

Sumber: PDRM (2019)

Kes Narkotik (Dadah) dan Senjata Api

Tiada tangkapan narkotik atau senjata api di ICQS BKH sepanjang tahun 2019. Kes-kes narkotik dan senjata api berlaku pada tahun 2018. Kes-kes yang berlaku adalah seperti berikut:

- a. Pada 21 September jam 1303 di Sekatan Jalan Raya 1.1 km menahan sebuah kenderaan berat (lori kontena). Hasil pemeriksaan menjumpai sepucuk pistol berisi peluru di dalam kenderaan tersebut.

- b. Pada 16 September 2018 jam 1324 bertempat di Blok D laluan pemeriksaan penumpang di ICQS BKH, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menahan seorang perempuan warganegara Thailand berusia 45 tahun yang membawa 2.2 kg dadah jenis syabu (*methamphetamine*) di dalam beg pakaian.
- c. Data saringan dadah ke atas pengunjung adalah seperti berikut:

Jadual 6

Data Pengunjung Melalui Saringan (Kes Dadah)

B	Tahun	Pengunjung (Kes)
1	2017	2888
2	2018	1545
3	2019	998

Sumber: AADK (2019)

Jadual 6 menunjukkan jumlah pengunjung yang melalui saringan (dadah) bagi tempoh tiga (3) tahun. Hasil kajian bagi tahun 2017 menunjukkan seramai 2888 orang pengunjung terlibat dengan saringan, manakala bagi tahun 2018 seramai 1545 orang yang telah disaring dan bagi tahun 2019 jumlah pengunjung yang disaring menurun kepada 998 orang pengunjung. Hasil kajian penurunan jumlah pengunjung yang disaring bagi tempoh tiga (3) tahun.

Jadual 7

Data Pengunjung Melalui Saringan (Positif Dadah)

Bil	Tahun	Pengunjung (Kes)
1	2017	645
2	2018	255
3	2019	145

Sumber: AADK (2019)

Jadual 7 menunjukkan jumlah pengunjung yang melalui saringan (positif dadah) bagi tempoh tiga tahun. Hasil kajian bagi tahun 2017 menunjukkan seramai 645 orang pengunjung yang telah dikesan sebagai positif dadah, manakala bagi tahun 2018 seramai 255 orang yang telah dikesan sebagai positif dadah dan bagi tahun 2019 jumlah pengunjung yang disaring (positif dadah) menurun kepada 145 orang pengunjung. Hasil kajian penurunan jumlah pengunjung yang disaring dan dikesan dadah bagi tempoh tiga (3) tahun.

Jadual 8

Data Pengunjung Malaysia/Thailand Melalui Saringan (Positif Dadah) Bagi Tahun 2019

Bil	Negara	Bilangan Pengunjung (Kes)	Bilangan Pengunjung (Positif Dadah)
1	Malaysia	105 kes	2 orang
2	Thailand	186 kes	18 orang

Sumber: AADK (2019)

Jadual 8 menunjukkan jumlah pengunjung Malaysia/Thailand yang melalui saringan (positif dadah) bagi tahun 2019. Hasil kajian menunjukkan seramai 105 orang pengunjung Malaysia yang terlibat di dalam ujian saringan air kencing bagi tahun 2019, manakala bagi negara Thailand seramai 186 orang yang telah terlibat di dalam ujian saringan bagi tahun 2019. Selain itu, seramai dua (2) orang pengunjung Malaysia yang telah dikesan saring air kencing secara rambang dan didapati sebagai positif dadah. Manakala, 18 orang warga Thailand terlibat dengan saringan air kencing dan didapati positif dadah.

Pendatang Tanpa Izin (PATI)

PATI biasanya tidak akan melalui pintu masuk yang formal seperti ICQS atau mana-mana pintu masuk Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ). PATI dari Myanmar biasanya akan melalui jalan darat dan memasuki sempadan Malaysia berjauhan dari radius ICQS atau mana-mana CIQ. Berdasarkan maklumat risikan PDRM, PATI akan menjadi mangsa pemerdagangan manusia atau diambil oleh ejen untuk proses pemutihan dan mendapatkan kad UNCHR atau suaka politik. PATI daripada Myanmar terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Rohingya, Bamar, Chin, Shan, Kayah, Kachin dan lain-lain. Berdasarkan maklumat risikan, terdapat lebih empat puluh (40) laluan tikus bagi tujuan penyeludupan PATI dan barang- barang.

Jadual 9 menunjukkan statistik tangkapan PATI di ICQS BKH untuk tempoh 2017 hingga 2019. Dapatan kajian menunjukkan terdapat polar peningkatan untuk jumlah tangkapan PATI dalam tempoh tersebut, iaitu seramai 229 orang pada tahun 2017, meningkat kepada 369 orang pada tahun 2018 dan yang paling tinggi seramai 396 PATI pada tahun 2019. Hasil kajian juga mendapati bahawa bagi ketiga-tiga tahun, warganegara Myanmar adalah merupakan PATI yang paling ramai ditangkap di mana seramai 171 orang pada tahun 2017, 340 orang pada tahun 2018 dan 295 orang pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, hasil kajian juga mendapati bahawa pada tempoh pengoperasian 24 jam, terdapat pengurangan tangkapan PATI bagi bulan Jun, Julai, Ogos dan September tahun 2019, iaitu seramai 39 tangkapan (Jun), 40 tangkapan (Julai) menurun kepada 6 tangkapan masing-masing bagi bulan Ogos dan September.

Jadual 9: Statistik Tangkapan PATI di BKH bagi Tahun 2017, 2018 dan Januari hingga Oktober 2019

Bil	Negara	2017	2018	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Aug	Sep	Okt	Nov	Dis	2019
1.	Bangladesh	-	1	24	-	-	8	-	1	-	-	-	-	-	-	3
2.	Belgium	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
3.	China	3	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4.	Filipina	3	1	2	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-	4
5.	India	3	3	2	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3
6.	Indonesia	1	3	8	-	-	4	-	-	-	-	-	-	-	-	1
7.	Iran	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
8.	Kemboja	4	4	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
9.	Korea	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
10.	Laos	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
11.	Lubnan	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
12.	Myanmar	171	340	15	15	9	3	44	39	4	6	6	-	-	-	295
13.	Nigeria	-	-	-	-	2	2	0	-	-	-	-	-	-	-	2
14.	Pakistan	-	-	-	2	-	-	1	1	-	-	-	-	-	-	2
15.	Singapura	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

16.	Sri Lanka	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
17.	Taiwan	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
18.	Tanzania-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
19.	Thailand	2	9	7	3	5	3	-	11	8	3	1	1	4
20.	Turki	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
21.	Uganda	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
22.	Uighur	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
23.	Vietnam	7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
24.	Yaman	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
25.	Vietnam	-	3	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2
Jumlah		229	369	63	19	97	44	49	51	48	9	8	8	-
														396

Source: PDRM (2019)

Tangkapan dan Rampasan

Jadual 10 menunjukkan pada Januari hingga September 2019, sebanyak 235 kes tangkapan dan rampasan telah dilakukan oleh JIM, JKDM, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), dan KKM. Data ini menunjukkan bahawa bilangan kes-kes yang terjadi di bulan Jun, Julai dan Ogos (tempoh pengoperasian 24 jam) adalah yang paling rendah berbanding bulan-bulan lain sepanjang tahun 2019.

Jadual 10

Jumlah Tangkapan dan Rampasan

Agensi	2019										Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep		
JIM	4	5	2	4	3	3	3	0	4		28
Kastam	5	0	1	4	14	1	1	1	2		29
MAQIS	5	2	4	2	5	1	1	1	2		23
KKM	39	9	15	12	15	7	11	9	12		129
AKSEM	8	5	1	1	0	0	0	5	6		26
Jumlah	61	21	23	23	37	12	16	16	26		235

Sumber: JIM, Kastam, MAQIS, KKM dan AKSEM (2019)

Jadual 11 menunjukkan statistik rampasan oleh Kastam Diraja Malaysia di ICQS BKH bagi bulan Januari hingga September 2019. Jumlah rampasan paling banyak berlaku di bulan Mei (12 kes) diikuti dengan April (6kes). Bagi bulan Januari, Mac, Julai dan Ogos hanya terdapat satu rampasan pada setiap bulan, manakala tiada rampasan langsung di bulan Februari dan Jun. Jumlah keseluruhan rampasan adalah 24, dengan rampasan tertinggi mercun (8 kes), diikuti dengan barang asas (5 kes), lain-lain (8 kes) dan rampasan terendah iaitu arak (3 kes). Bahan asas dalam kes-kes di atas terdiri daripada bahan makanan, manakala lain-lain merujuk kepada pelbagai barang seperti ketum, kosmetik, kasut, dadah dan barang tanpa permit. Secara kasarnya dapat dilihat bahawa tidak berlaku sebarang kes rampasan barang dalam tempoh operasi 24 jam dijalankan iaitu pada bulan Jun 2019. Dalam tempoh tersebut juga rampasan adalah yang paling sedikit, iaitu di bulan Julai dan Ogos.

Jadual 11

*Statistik Rampasan JKDM di ICQS BKH Bulan Januari Hingga September
2019*

Bulan	Arak	Mercun	Rokok	Barang Asas	Lain-Lain	Jumlah Rampasan
Januari	1					1
Februari	-	-	-	-	-	-
Mac	-	-	-	-	1	1
April	1	1		2	2	6
Mei	1	7		3	1	12
Jun	-	-	-	-	-	-
Julai	-	-	-	-	1	1
Ogos	-	-	-	-	1	1
September	-	-	-	-	2	2
Jumlah	3	8	-	5	8	24

Sumber: Kastam (2019)

Kes Penyeludupan

Berdasarkan maklumat PDRM, barang yang sering diseludup masuk untuk melepas pemeriksaan di ICQS BKH adalah seperti berikut:

- a. Minuman keras pelbagai jenis yang diperolehi di Kompleks Bebas Cukai
- b. Produk kosmetik dari Thailand yang tidak mendapat kelulusan daripada KKM.
- c. Produk makan tenusu yang tidak mendapat kelulusan daripada KKM. Haiwan darat dan laut yang diimport dari Thailand tanpa permit untuk memasuki Malaysia
- d. Pelbagai jenis daging atau ikan yang diimport dari Thailand tanpa permit untuk memasuki Malaysia.

Selain barang di atas, Jadual 12 pula menunjukkan laporan polis tentang aktiviti penyeludupan yang melibatkan haiwan dan tanaman yang tiada permit dalam tahun 2019. Hanya terdapat 4 kejadian penyeludupan yang dilaporkan di mana kesemuanya berlaku pada bulan Mei 2019. Keempat-empat kes ini melibatkan

rampasan hidupan liar oleh pihak PERHILITAN yang diseludup tanpa permit terdiri daripada burung Murai Tiong Emas, ikan *Flower Horn*, ayam *Belgian* dan juga benih nenas. Tiada data direkodkan untuk bulan Jun dan Julai 2019 iaitu sepanjang tempoh operasi 24 jam dijalankan.

Jadual 12

Laporan Polis Tentang Aktiviti Penyeludupan yang Melibatkan Haiwan dan Tanaman yang Tiada Permit

Laporan Polis	Butir-Butir Kejadian
BKH 1341/19 & 1344/19 TARIKH: 9 MEI 2019 @ 1430	Jenis Rampasan: Burung Murai Batu / Tiong Mas Agensi Terlibat: MAQIS / PERHILITAN Tempat Kejadian: ICQS BKH Kesalahan: Menyimpan Hidupan Liar Tanpa Permit / Akta Pemulihan Hidupan Liar No. 716/2010 Tindakan: Burung dirampas manakala suspek dilepaskan sementara menunggu perbicaraan.
BKH 1411/19 TARIKH: 15 MEI 2019 @ 1140	Jenis Rampasan: Rampasan Ikan <i>Flower Horn</i> Agensi Terlibat: MAQIS Tempat Kejadian: ICQS BKH Kesalahan: Barang Import Tanpa Permit / Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) 2011 (AKTA 728) Tindakan: Ikan dirampas manakala suspek dibebaskan tanpa sebarang pendakwaan.
BKH 1437/19 TARIKH: 19 MEI 2019 @ 1025	Jenis Rampasan: Benih Nenas Agensi Terlibat: MAQIS Tempat Kejadian: ICQS BKH Kesalahan: Barang Import Tanpa Permit / Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) 2011 (AKTA 728)

Tindakan: Barang dirampas manakala suspek dibebaskan tanpa sebarang pendakwaan.

BKH 1443/19	Jenis Rampasan: Rampasan Ayam <i>Belgian Game</i>
TARIKH: 19 MEI 2019 @	Agensi Terlibat: MAQIS
1535	Tempat Kejadian: ICQS BKH
	Kesalahan: Barang Import Tanpa Permit / Akta Perkhidmatan
	Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) 2011 (AKTA 728)
	Tindakan: Ayam dirampas manakala suspek dilepaskan sementara menunggu perbicaraan.

Sumber : MAQIS (2019)

Penyakit Berjangkit

Jadual 13 dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan dengan bilangan kes penyakit berjangkit di sempadan negara (saringan pelancong yang masuk melalui pintu sempadan Malaysia). Menurut rekod penyakit berjangkit di Pejabat Kesihatan pintu masuk antarabangsa, BKH bagi tempoh Januari hingga September 2019, terdapat peningkatan dalam bilangan pengembara yang disaring menggunakan *thermal scanner*. Namun begitu hasil saringan mendapati tiada kes penyakit berjangkit dilaporkan berlaku di ICQS bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu 2017, 2018 dan 2019. Tahun terakhir penyakit berjangkit dilaporkan ialah pada 2015, iaitu penyakit zika. Namun begitu, terdapat satu kes denggi di kalangan penduduk sekitar BKH yang direkodkan. Rentetan daripada kes penyakit berjangkit yang direkodkan, beberapa aktiviti saringan telah dilakukan sebagai inisiatif, khususnya terhadap penyakit demam kuning. Justeru itu, inisiatif saringan dilakukan bermula pada bulan Januari sehingga September 2019. Hasil saringan yang dilaksanakan terhadap pelancong khususnya di pintu masuk antarabangsa BKH, hasil kajian menunjukkan seramai 206 pelancong telah disaring demam kuning, 164 pelancong disaring yang mempunyai Sijil Imunisasi Demam Kuning, manakala 42 pelancong disaring yang tiada Sijil Imunisasi Demam Kuning dan tiada (0) pelancong yang dikuarantin. Kes saringan bagi tahun 2019 (206) adalah jauh lebih rendah berbanding 2018 (595) dan 2017 (652). Manakala data import dan eksport mayat

bagi tahun 2019 juga menunjukkan terdapat penurunan kes iaitu 10 kes yang direkodkan sebagai kes mayat diimport ke Malaysia, berbanding 18 kes bagi tahun 2018 dan 11 kes pada tahun 2017. Selain itu, sebanyak 3 kes yang direkodkan sebagai kes mayat dieksport ke Thailand pada tahun 2019, berbanding 10 kes bagi tahun 2018 dan 3 kes pada tahun 2017.

Jadual 13

Bilangan Kes Penyakit Berjangkit di Sempadan Negara (Saringan Pelancong yang Masuk ke Pintu Sempadan Malaysia)

	2017	2018	2019
Penyakit berjangkit di ICQS BKH	0	0	0
ZIKA (tahun 2015)	0	0	0
Penyakit berjangkit dikalangan penduduk sekitar BKH atau laluan lori (dari Thailand)	0	0	0
Bilangan pelancong disaring (<i>thermal scanner</i>)	1,318,22 4	1,205,80 8	1,331,48 8
Bilangan pesakit dirujuk	0	0	0
Bilangan pemeriksaan Sijil Suntikan	652	595	206
Demam Kuning (<i>yellow fever</i>)	0	0	0
Bilangan Permit Import Mayat dikeluarkan	11	18	10
Bilangan Permit Eksport Mayat dikeluarkan	3	10	3

Sumber: KKM (2019)

Lain-lain Isu Keselamatan

Palang Pendek

Palang yang pendek membolehkan motosikal membolos dan melepas pemeriksaan imigresen. Palang juga dibuat daripada bahan yang kurang kuat dan mudah dirempuh oleh kenderaan seperti kereta. Laporan daripada PDRM Kubang Pasu menunjukkan terdapat beberapa kes di mana palang tersebut dirempuh oleh kereta sama ada di dalam keadaan sengaja atau tidak sengaja. Terdapat juga beberapa kes teknikal di mana palang telah turun walaupun lori

belum melepas palang tersebut. Begitu juga kes di mana motosikal tidak menggunakan lorong motosikal dan sebaliknya menyelit di lorong kereta.

Kawalan *Point F* dan ‘*No Man’s Land*’

Berdasarkan maklumat dari PDRM, kawasan kawalan *Point F* sangat luas. Kawasan *Point F* yang dijaga oleh pihak balai ICQS berisiko kerana tiada kelengkapan senjata berat dan terlalu dekat dengan imigresen Sadao. Jika berlaku sebarang insiden jenayah yang serius, balai ICQS tiada kapasiti untuk bertindak dengan berkesan kerana tiada pertahanan yang kuat. *U-Turn* berdekatan dengan *Point F* dan kawasan *Duty Free* wajar dihapuskan bagi tujuan mengelakkan warga asing masuk tanpa izin dan melepas imigresen. Kawasan bebas cukai (*Duty Free*) dianggap sebagai ‘*no man’s land*’ di mana pengguna (rakyat) beranggapan bahawa mereka tidak boleh ditangkap jika melakukan kesalahan. Oleh itu, konsep ‘*no man’s land*’ perlu diberi pendidikan dan maklumat agar tidak disalah ertikan. Konsep ‘*no man’s land*’ ini adalah berdasarkan pentafsiran ekonomi dan tidak melibatkan keselamatan hatta undang-undang sesebuah negara. Salah tafsir ‘*no man’s land*’ ini digunakan untuk melepaskan diri apabila ditahan kerana melakukan kesalahan di kawasan ‘*no man’s land*’. Oleh itu, konsep ‘*no man’s land*’ perlu diperjelaskan bagi membendung jenayah di sempadan.

Pewartaan ICQS

ICQS BKH baru-baru ini telah diwartakan. *Standard Operating Procedure* (SOP) yang baru untuk ICQS perlu diwujud. Pengoperasian sehingga hari ini adalah berdasarkan SOP yang sedia ada mengikut agensi masing-masing.

Pusat Kawalan CCC (CCTV)

Oleh kerana ICQS masih belum diwartakan, pusat kawalan CCTV adalah di bawah seliaan Imigresen BKH. Pusat Kawalan CCTV di ICQS membenarkan empat belas (14) wakil agensi untuk akses ke Pusat Kawalan CCTV ini. Masalah timbul sekiranya berlaku siasatan di mana pihak PDRM memerlukan maklumat CCTV berkenaan. Terdapat risiko kebocoran maklumat jika semua agensi diberi akses sepenuhnya terhadap pusat kawalan CCTV. Masalah teknikal juga berlaku apabila pihak PDRM memerlukan maklumat segera daripada CCTV, mereka diminta untuk menyediakan surat permohonan maklumat atau sisipan

CCTV tersebut atau menunggu hari bekerja (jika permohonan dibuat pada hari Jumaat atau Sabtu) sebelum mendapat maklumat yang diperlukan. Ini menjelaskan proses pengendalian siasatan dan tindakan penguatkuasaan pihak PDRM. Aktiviti siasatan pihak TCO juga terjejas apabila banyak agensi terlibat di dalam bilik kawalan CCC ini. Oleh itu, tahap capaian semua agensi perlu dikaji semula untuk memastikan kerahsiaan isu keselamatan. Terdapat juga kes di mana posisi CCTV P22-1 dan P22-3 telah diubah pada 7 Julai 2019 jam 1143 yang bertempat di lokasi SJR Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) Fasa 2 iaitu laluan kereta dan motosikal. Perubahan posisi CCTV ini boleh menjelaskan siasatan PDRM apabila berlaku jenayah terancang.

Kekangan Bilangan Batalion Tentera Darat di Sempadan

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan benteng pertahanan negara dari segala bentuk ancaman khususnya dari luar Malaysia. Mutakhir ini, satu (1) batalion yang mempunyai empat (4) kompeni telah dikurangkan kepada tiga (3) kompeni sahaja. Perkembangan ini menyebabkan kawasan sempadan yang perlu dijaga oleh ATM lebih besar. Kompeni yang bertugas tidak berkeupayaan mengawasi keseluruhan sempadan pada satu-satu masa. Ini membuka peluang kepada aktiviti penyeludupan. Kelengkapan pertahanan seperti pagar telah lama dan reput dan ini menyebabkan aktiviti penyeludupan berlaku dengan lebih mudah. Pagar-pagar yang reput dan roboh memudahkan penyeludup mengorek lubang dan membuat lorong tikus bagi memudahkan urusan logistik penyeludupan manusia dan barang- barang.

Sistem Gemparan Am (*Alarm System*)

ICQS BKH tiada mekanisme sistem gemparan am untuk menangani krisis besar (jika berlaku). Kereta yang merempuh palang boleh meneruskan perjalanan tanpa halangan. Contoh kes seorang perempuan dari negara Thailand telah melanggar palang di imigresen Thailand ke Malaysia. Tiada sekatan dapat dibuat oleh kawalan terakhir iaitu AKSEM kerana tiada sistem gemparan am (*alarm system*).

Tiada Pas Keselamatan

Agen *forwarding* dan wakil syarikat logistik belum diberikan pas keselamatan semasa berurusan di bangunan ICQS BKH. Sistem pas keselamatan ini amat perlu bagi memastikan agen *forwarding* serta wakil syarikat adalah wakil dan agen sebenar yang telah dilantik oleh syarikat.

Mesin Pengimbas (Scanner)

Mesin pengimbas hanya terdapat di kawasan pemeriksaan kastam. Aktiviti penyeludupan jarang melalui lori kargo dan kebanyakannya menggunakan kenderaan seperti motosikal dan kereta yang telah diubahsuai sepenuhnya. Pihak bertanggungjawab amat sukar untuk mengesan penyeludupan barang apabila kereta telah diubah suai sepenuhnya dan hanya dengan menggunakan mesin pengimbas yang berkualiti, barang yang diseludup dapat dikesan.

Lain-lain Hal

Caj Tambahan. Berdasarkan maklumat risikan PDRM, pihak staf Kompleks CIQ Sadao mengenalkan caj tambahan sebanyak 1000 Baht untuk lori yang keluar atau masuk di antara jam 12 tengah malam hingga 6 pagi waktu Thailand. Caj tambahan ini dikenakan semenjak pembukaan 24 jam laluan kenderaan berat di Blok A dan E. Tujuan caj tambahan ini adalah sebagai *overtime fee* untuk staf yang bertugas selepas jam 12 malam hingga 6 pagi. Maklumat ini diperolehi berdasarkan kepada temu bual lisan dengan pekerja syarikat logistik dan *forwarding agent* yang bertugas di Kaunter Urusan Penghantaran di Bangunan Laluan Kenderaan Berat di Blok A dan E, ICQS BKH. Terdapat rungutan daripada pemandu lori kenderaan berat yang terpaksa membuat bayaran apabila melalui Kompleks CIQ Sadao selepas jam 12 malam. Pemandu-pemandu yang ditemu bual tidak dapat membuat tuntutan kepada syarikat *forwarding* kerana bayaran tersebut tiada di dalam peruntukan. Semenjak caj tambahan ini dikenakan, pemandu kenderaan berat agak keberatan untuk meneruskan perjalanan selepas jam 12 malam kerana syarikat logistik tidak membayar caj tambahan. Maklumat risikan dari Kompleks CIQ Sadao, Thailand menunjukkan bahawa caj tambahan selepas jam 12 malam adalah tidak dibenarkan oleh kerajaan Thailand dan lebih bersifat sebagai ‘*duit tepi*’ sahaja.

Bayaran Kerja Lebih Masa. Berdasarkan maklumat risikan daripada pemandu kenderaan berat, terdapat beberapa syarikat logistik yang tidak mahu membayar tuntutan pembayaran kerja lebih masa kepada pekerja dan tidak mahu menambah kos selepas operasi 24 jam. Ini menyebabkan pekerja dan pemandu tidak mahu bekerja lebih masa selepas jam 12 tengah malam. Natijahnya ialah jumlah kenderaan kargo sangat rendah selepas jam 12 tengah malam.

Keselamatan Peniaga. Hasil kajian mendapati majoriti besar perniagan iaitu 80.4 peratus menyatakan kadar jenayah di premis perniagaan mereka tidak meningkat semenjak pelaksanaan operasi 24 jam ICQS BKH. Hanya 19.6 peratus peniaga menyatakan semenjak Jun 2019, kadar jenayah di premis perniagaan mereka meningkat. Secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan bahawa semenjak Jun 2019 apabila ICQS BKH memulakan operasi 24 jam untuk kenderaan berat, kadar jenayah di premis perniagaan di kawasan setempat tidak menunjukkan peningkatan yang membimbangkan.

Langkah Keselamatan Impak daripada Pengoperasian 24 Jam. Majoriti peniaga (89.2 peratus) bersetuju untuk mengambil inisiatif sendiri bagi memasang kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan mereka, berbanding (10.8 peratus) peniaga yang tidak bersetuju, bagi menjaga keselamatan premis mereka. Majoriti (80.4 peratus) peniaga juga bersetuju bahawa semenjak pengoperasian 24 jam, ada peningkatan kekerapan pihak polis membuat rondaan di kawasan premis perniagaan mereka. Maka dapat disimpulkan bahawa kehadiran pihak polis di kawasan perniagaan dapat meningkatkan keyakinan peniaga terhadap keadaan keselamatan di kawasan sekitar.

Keselamatan Staf. Staf-staf penguatkuasa memberikan pelbagai persepsi tentang isu keselamatan atau kejadian jenayah sekiranya operasi 24 jam akan diteruskan pelaksanaannya atau diperluaskan kepada pengguna. Antara isu-isu keselamatan yang dibangkitkan oleh responden bila menjawab *open ended question* mengikut persepsi mereka adalah seperti berikut:

- a. Pendatang tanpa izin mudah bolos
- b. Parkir kenderaan yang jauh dari stesen kerja
- c. Penarik motor tambang Thailand berleluasa
- d. Bilangan pegawai bertugas terhad

- e. Blok A terlalu sunyi, perlukan kakitangan keselamatan
- f. Bilik kaunter tidak boleh dikunci secara automatik, bahaya
- g. Keselamatan staf ketika bertugas bersendirian
- h. Tiada bonggol/*rubber bump* untuk laluan keluar masuk
- i. Keselamatan untuk pegawai wanita seperti di pagar

Keselamatan Pengguna Awam/Pengunjung. Hasil daripada kajian terperinci tentang pengguna awam/pengunjung ICQS di Bahagian 1D, kajian ini mendapati pengguna awam bersetuju bahawa mereka berasa selamat menggunakan ICQS BKH, dan mereka merasakan bahawa keselamatan mereka terjamin di pintu pelepasan. Tentang persepsi pengguna terhadap kewajaran waktu operasi 24 jam pula majoriti pengguna awam bersetuju bahawa:

- a. Pembukaan ICQS BKH selama 24 jam tidak akan menjaskan keadaan keselamatan pengguna di sempadan (64.9%);
- b. Majoriti (77.1%) responden yang memberikan reaksi “setuju dan sangat setuju” bahawa pengoperasian 24 jam ICQS BKH akan menyebabkan kawalan keselamatan perlu dipertingkatkan; dan
- c. Keseluruhan responden yang terlibat bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka akan berasa selamat menggunakan perkhidmatan ini selepas waktu tengah malam (selepas jam 12 tengah malam).

Sosio-Ekonomi

Peniaga. Secara ringkasnya data mengenai hasil jualan peniaga di kawasan sekitar berikutan operasi 24 jam di ICQS BKH menunjukkan hanya minoriti (35.5%) peniaga merekodkan peningkatan jualan secara keseluruhannya, berbanding (64.7%) peniaga yang tidak merekodkan sebarang peningkatan hasil jualan susulan daripada operasi 24 jam di ICQS BKH. Ini disokong dengan data yang menunjukkan 90.2% peniaga mengatakan tiada kesan langsung ke atas peningkatan hasil jualan akibat daripada jumlah kenderaan keluar masuk Thailand. Secara keseluruhannya, pengenalan kepada operasi 24 jam di ICQS BKH tidak memberikan kesan yang signifikan kepada perniagaan di kawasan sekitar. Fakta ini disokong oleh sedikitnya kadar peningkatan direkodkan dalam bulan Jun (34.3%) dan Julai (31.4%) oleh sejumlah kecil peniaga di sekitar Changlun dan BKH.

Selain dari segi peningkatan hasil jualan, bilangan pengunjung ke premis perniagaan juga tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang signifikan. Hanya 48 peratus peniaga merekodkan pertambahan bilangan pengunjung ke premis mereka semenjak pengoperasian 24 jam di ICQS BKH diperkenalkan. Secara keseluruhannya, semenjak Jun 2019, tiada sebarang peningkatan atau impak yang signifikan terhadap perniagaan di kawasan sekitar susulan pengenalan kepada operasi 24 jam di ICQS BKH.

8. PERSETUJUAN UNTUK MELANJUTKAN MASA OPERASI PERNIAGAAN KESAN DARI OPERASI 24 JAM DI ICQS

Di sebalik tiadanya peningkatan signifikan dalam hasil jualan mahupun bilangan pengunjung sebagai impak daripada pengoperasian 24 jam tersebut, majoriti (59.8%) peniaga bersetuju untuk melanjutkan operasi perniagaan mereka sekiranya operasi 24 jam di ICQS BKH diteruskan, berbanding (40.2%) peniaga yang tidak bersetuju untuk melanjutkan tempoh perniagaan mereka. Persetujuan untuk melanjutkan operasi perniagaan ini didorong oleh dua faktor utama iaitu peningkatan kos dan pertambahan tenaga kerja. Majoriti (54.9%) peniaga merasakan tiada sebarang peningkatan kos yang akan berlaku berbanding (45.1%) peniaga yang merasakan akan berlakunya peningkatan kos sekiranya waktu operasi dipanjangkan. Selain itu lebih ramai (76.5%) peniaga tidak memerlukan pertambahan tenaga kerja sekiranya waktu operasi dipanjangkan, berbanding (23.5%) peniaga yang memerlukan pertambahan tenaga kerja. Secara keseluruhannya kajian mendapati bahawa majoriti peniaga bersetuju untuk memanjangkan tempoh perniagaan mereka sekiranya waktu operasi di ICQS BKH dipanjangkan ke 24 jam, kerana berasa tidak terkesan oleh peningkatan kos sekiranya mereka melanjutkan waktu perniagaan. Sebanyak 66.7% peniaga bersetuju berbanding 33.3% yang tidak bersetuju sekiranya ICQS BKH dibuka selama 24 jam kepada pengujung awam. Peniaga juga memberi respon seimbang dengan 48% peniaga bersetuju sekiranya waktu operasi ICQS BKH diteruskan selama 24 jam hanya untuk kenderaan berat sahaja, berbanding 52% yang tidak bersetuju, menunjukkan bahawa peniaga mempunyai pandangan berbeza sekiranya ICQS BKH beroperasi 24 jam terhad untuk kenderaan berat sahaja. Walau bagaimanapun, hasil kajian lanjut mendapati peniaga yang tidak bersetuju dengan pengoperasian 24 jam ICQS BKH terhad kepada kenderaan berat sahaja adalah mereka yang sebenarnya menyokong usaha pembukaan ICQS BKH selama 24 jam untuk semua pengunjung.

Secara keseluruhannya, analisis data mendapati pelbagai sebab diberikan oleh peniaga yang menyokong usaha pembukaan waktu operasi ICQS BKH selama 24 jam. Kebanyakan peniaga yang menyokong usaha ini berpendapat pengoperasian 24 di ICQS BKH akan memberikan impak kepada perniagaan mereka. Majoriti peniaga berpandangan pengoperasian 24 jam bukan hanya membuka peluang peningkatan hasil jualan dan mutu perniagaan malah akan memudahkan urusan perniagaan dan urusan penghantaran barang, terutamanya yang melibatkan barang keluar/masuk sempadan Malaysia dan Thailand. Di samping itu, peniaga juga berpendapat bahawa pengoperasian 24 jam ICQS BKH akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat disamping mewujudkan peluang perniagaan yang baharu.

Staf

Soal-selidik dengan staf penguatkuasa mendapati sebanyak 20 peratus responden bersetuju bahawa operasi 24 jam memberi manfaat dari segi kewangan (kerja lebih masa), dengan 10.0 peratus memberi respon sangat bersetuju dengan kenyataan ini. 22.9 peratus memberikan reaksi tidak bersetuju, manakala 20.4 peratus menunjukkan reaksi sangat tidak setuju. Baki 26.7 peratus memberi respon tidak pasti. Secara keseluruhannya sebilangan kecil staf telah mendapat manfaat kewangan bagi penambahan ekonomi peribadi hasil daripada operasi 24 jam.

Rumusan

Hasil kajian impak bukan kewangan hasil daripada pengoperasian 24 jam di ICQS BKH telah membawa kepada rumusan-rumusan berikut:

Jenayah Dan Keselamatan

Kajian ini merumuskan bahawa telah berlaku penurunan kes tangkapan pendatang tanpa izin dan kes rampasan barang. Penurunan jenayah kekerasan dan harta benda dan kenaikan jenayah *non-index* tidak dapat dikaitkan secara spesifik dengan pengoperasian 24 jam kerana tiada data spesifik untuk bulan Jun dan Julai 2019. Tiada jenayah penyeludupan berlaku di bulan Jun dan Julai 2019 iaitu sepanjang tempoh pengoperasian 24 jam. Untuk peniaga pula, secara keseluruhannya, bolehlah disimpulkan bahawa semenjak Jun 2019 apabila ICQS BKH memulakan operasi 24 jam untuk kenderaan berat, kadar jenayah di

premis perniagaan di kawasan setempat tidak menunjukkan peningkatan yang membimbangkan.

Penyakit Berjangkit

Dirumuskan bahawa peningkatan dalam bilangan pelancong yang disaring di pintu masuk sempadan tidak menghasilkan tingginya bilangan penyakit berjangkit mahupun bilangan pesakit yang dirujuk.

Keselamatan Peniaga

Pengoperasian 24 jam untuk kenderaan berat, tidak menjadikan keselamatan sebagai isu utama bagi peniaga di kawasan sekitar. Kehadiran dan rondaan pihak berkuasa yang lebih kerap telah meningkatkan keyakinan mereka terhadap keadaan keselamatan setempat. Mereka juga menegaskan kejadian jenayah di kawasan mereka tidak meningkat semenjak Jun 2019 iaitu tempoh pengoperasian 24 jam. Namun untuk memperbaiki taraf keselamatan majoriti peniaga sanggup memasang sistem kamera litar tertutup (CCTV).

Keselamatan Staf

Staf penguatkuasa memberikan pelbagai persepsi tentang isu keselamatan atau kejadian jenayah sekiranya operasi 24 jam akan diteruskan pelaksanaannya atau diperluaskan kepada pengguna:

- a. Pendarat tanpa izin mudah bolos
- b. Parkir kenderaan yang jauh dari stesen kerja
- c. Penarik motor tambang Thailand berleluasa
- d. Bilangan pegawai bertugas terhad
- e. Blok A terlalu sunyi, perlukan kakitangan keselamatan
- f. Bilik kaunter tidak boleh dikunci secara automatik, bahaya
- g. Keselamatan staf ketika bertugas bersendirian
- h. Tiada bonggol/rubber bump untuk laluan keluar masuk
- i. Keselamatan untuk pegawai wanita seperti di pagar
- j. Keselamatan Pengguna Awam/Pengunjung

Pengguna awam berasa selamat menggunakan ICQS BKH, dan keselamatan mereka terjamin di pintu pelepasan. Tentang persepsi pengguna terhadap kewajaran waktu operasi 24 jam pula majoriti pengguna awam bersetuju bahawa:

- a. Pengoperasian 24 jam tidak akan menjaskan keadaan keselamatan
- b. Pengoperasian 24 jam menyebabkan kawalan keselamatan perlu dipertingkatkan.
- c. Berasa selamat menggunakan perkhidmatan selepas waktu tengah malam.
- d. Sosio-Ekonomi

Secara keseluruhannya, analisis data mendapati pelbagai sebab diberikan oleh peniaga yang menyokong pengoperasian 24 ini kerana ia memberikan impak positif kepada perniagaan mereka, peluang pertingkatkan hasil jualan dan mutu perniagaan dan memudahkan urusan perniagaan. Di samping itu, ia membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di samping mewujudkan peluang perniagaan yang baharu. Analisis juga mendapati bahawa sebilangan kecil staf telah mendapat manfaat kewangan dari kerja lebih masa (OT).

RUJUKAN

- Christy, R. D., Wenner, M. D., & Dassie, W. (2000). A Microenterprise-centered Economic development strategy for the rural South: Sustaining Growth with Economic Opportunity. *Journal of Agricultural and applied Economics*, 32(1379-2016-113021), 331-344.Harun, 2009
- Harun, N. Z. (2009). *Kos keselamatan dalam projek pembinaan bangunan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2010). Pelancongan sempadan: Potensi dan cabaran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V*, 261.
- Jakob, A., Craig, J. L., & Fisher, G. (2006). Transport cost analysis: a case study of the total costs of private and public transport in Auckland. *Environmental Science & Policy*, 9(1), 55-66.
- Pearce, D. (1998). Cost benefit analysis and environmental policy. *Oxford review of economic policy*, 14(4), 84-100.Iacono & Levinson, 2013